

12/06/2003

Pusat mungkin ambil alih urusan pembekalan air

Mohd Azlan Jaafar

PUTRAJAYA: Kerajaan Pusat mungkin mengambil alih tanggungjawab dalam pembangunan dan penyediaan kemudahan pembekalan air bersih berikutan ketidakupayaan kerajaan negeri membiayai kos pembangunan prasarana itu yang terlalu tinggi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan negeri bersetuju bahawa kos pembangunan loji dan sistem pengagihan air membabitkan perbelanjaan besar sehingga menjadi beban yang amat berat.

Katanya, pembangunan yang pesat dan permintaan air bersih yang meningkat juga menyebabkan banyak negeri terpaksa berhutang dengan Kerajaan Pusat bagi membangunkan sistem pembersihan dan pembekalan air.

"Kita bagi pinjam tetapi ia tidak mampu dibayar kerajaan negeri sampai bila-bila pun. Kita cuma boleh write off hutang kalau kerajaan negeri diisytiharkan bankrap. Ini kita tak boleh buat.

"Jadi saya dah minta kerajaan negeri mengkaji semula sama ada mereka masih perlu bertanggungjawab terhadap bekalan air di negeri sendiri," katanya selepas Mesyuarat Menteri-Menteri Besar dan Ketua Menteri ke-91 di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan semua menteri besar dan ketua menteri, kecuali Kelantan dan Terengganu.

Masalah pembekalan air itu dibincangkan dalam mesyuarat yang berlarutan sehingga kira-kira tiga jam.

Ketika ini, kebanyakan negeri menghadapi masalah membiaya projek peningkatan sistem pengagihan dan pembersihan air termasuk penggantian paip lama berikutan kos yang mencecah berbilion ringgit.

Sebelum ini dilaporkan kos menggantikan paip lama di Lembah Klang mencapai RM1 bilion. Kebanyakan negeri kemudian mendapatkan pinjaman daripada Kerajaan Pusat bagi melaksanakan projek itu tetapi tidak membayar semula pinjaman berkenaan.

Kuasa memberi hak dan tanggungjawab berhubung air kepada negeri termaktub dalam Perjanjian Persekutuan 1957.

Mengenai sambutan menteri besar dan ketua menteri berhubung cadangan itu, Dr Mahathir berkata: "Kita cadangkan supaya kita (kerajaan negeri) fikir semula tanggungjawab untuk perkara semacam ini. Mereka nampak bersetuju kerana mereka tidak mampu."

Perdana Menteri berkata, kerajaan negeri juga sedar bekalan mesti dibuat walaupun berdepan perbelanjaan besar.

"Tetapi mereka tak mampu dan terpaksa hutang dan setiap tahun dalam akaun ditunjukkan hutang yang tak dibayar... macam NPL (hutang tidak dibayar).

"Jadi kita kena mengatasi masalah ini. Kita tak boleh write off selagi

orang itu tidak bankrap," katanya.

Beliau berkata, cadangan itu akan dibincangkan dengan lanjut pada mesyuarat Majlis Air Kebangsaan tidak lama lagi.

Dr Mahathir berkata, Kerajaan Pusat memerlukan sokongan kerajaan negeri

bagi memastikan semua perancangan berjalan lancar termasuk dalam penyediaan infrastruktur asas.

Dalam perkembangan lain, Perdana Menteri berkata, kerajaan negeri akan menentukan bentuk penguatkuasaan yang boleh diambil pihak berkuasa tempatan bagi memastikan keadilan untuk semua.

Katanya, berdasarkan maklumat yang diterima, masalah penguatkuasaan pihak berkuasa tempatan mengenai kejadian pegang tangan di Perak adalah kurang tepat.

"Tak benar soal pegang tangan saja. Ada lain-lain yang berlaku, barulah

mereka ambil tindakan.

"Jadi kita buat tuduhan depa tidak boleh pegang tangan... pegang boleh... kadang-kadang lebih daripada pegang tangan itu yang jadi masalah," katanya.

Dr Mahathir diminta mengulas beberapa kejadian penguatkuasaan yang didakwa tidak adil terhadap orang yang bukan beragama Islam di kawasan awam.